




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 1,199 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 19,282 kes. Hari ini satu (1) kes kematian dicatatkan iaitu di Daerah Sandakan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 221 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala seramai 3,199 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 750 orang di hospital dan 2,449 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 70 orang dan 17 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort dan Kota Marudu telah berubah dari zon merah ke zon jingga pada hari ini.

- 4 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di Daerah Keningau iaitu:
 - (i) Kluster Mempulut mencatatkan sebanyak 28 kes berkaitan dengan kenduri arwah.
- 5 Daripada 1,199 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 556 kes adalah berpunca dari Kluster Pusat Tahanan Sementara Tawau dan Kluster Penjara Sandakan. Selebihnya iaitu 643 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Daerah Tawau merekodkan kes tertinggi sebanyak 467 kes. Daripada jumlah ini, 372 kes adalah dari Kluster Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau. Manakala, 63 kes daripada saringan kontak rapat, 27 kes daripada saringan komuniti, empat (4) daripada saringan bergejala dan satu (1) kes daripada saringan sebelum bekerja.
- 7 Daerah Sandakan pula, mencatatkan kes kedua tertinggi iaitu sebanyak 389 kes pada hari ini. Jumlah ini disumbang oleh Kluster Penjara Sandakan (184 kes), Kluster Mesra (44 kes), Kluster Ramai-Ramai (1 kes), Kluster Bomba (1 kes), Saringan Kontak Rapat (131 kes), Saringan Komuniti (18 kes), Saringan Bergejala (6 kes), Saringan Kendiri (2 kes), Saringan pekerjaan (1 kes) dan Saringan *Brought In Dead* (BID) (1 kes).
- 8 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 952 katil. Sementara, Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 8,259 katil menjadikan jumlah keseluruhan 9,211 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 34.73%.

B. PERUNTUKAN KHAS DAN MOBILISASI *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT* (PPE) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa prihatin kepada setiap keperluan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dalam mengurus penularan wabak ini dengan berkesan.
- 2 Peruntukan Khas sebanyak RM 25 Juta telah disalurkan oleh KKM ke Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) bagi pembelian PPE secara berpusat.
- 3 Mobilisasi PPE daripada Jabatan Kesihatan Negeri di Semenanjung yang mempunyai lebih kuantiti juga diselaraskan KKM bagi menampung keperluan di JKNS yang lebih mendesak.
- 4 Melalui semakan terkini, bekalan PPE di fasiliti kesihatan seluruh Sabah boleh bertahan sehingga 30 – 100 hari bergantung kepada jenis PPE. Tiada isu berkenaan kekurangan PPE pada waktu ini.
- 5 JKNS menerima PPE secara berperingkat daripada syarikat pembekal dan sentiasa memantau stok PPE di setiap fasiliti kesihatan.

- 6 Agihan PPE ke fasiliti kesihatan akan diputuskan oleh JKNS berdasarkan stok dan kadar penggunaan setiap fasiliti.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasaran berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **142,395** bakul makanan telah diagihkan.

D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 65 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 43,523 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 253 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 30 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 77 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.5%.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 24 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di enam (6) premis di empat (4) daerah iaitu Semporna, Tawau, Papar dan Kota Kinabalu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 138 lokasi di 18 buah daerah.

Oleh yang demikian, kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Kerajaan Negeri amat komited untuk memberi yang terbaik kepada rakyat dari segi penyampaian perkhidmatan, saluran bantuan kepada yang memerlukan dan sumber informasi yang tepat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

06 November 2020